

**WADAH PEMIKIRAN DAN KONSEP KEPERCAYAAN
DALAM CEKMOR BAGI MASYARAKAT ASLI JAH
HUT**

INTAN SAZIMA A/P SARIP

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

UNIVERSITI

2021

MALAYSIA

KELANTAN



**WADAH PEMIKIRAN DAN KONSEP KEPERCAYAAN
DALAM SASTERA LISAN BAGI MASYARAKAT ASLI
JAH HUT**

INTAN SAZIMA A/P SARIP

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN(KESUSASTERAAN WARISAN) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

BACHOK

2021

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- | | | |
|--------------------------|---------|--|
| <input type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) * |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan

Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja

Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

Disahkan oleh

Tandatangan

Nama Pelajar: INTAN SAZIMA A/P SARIP
Tarikh: 1 JULAI 2021

Tandatangan Penyelia

Nama:
Tarikh:

Cacatan: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat dari organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadratNya kerana telah memberikan kesihatan yang baik sepanjang tempoh pengajian, membolehkan saya menyiapkan projek ilmiah ini dengan jayanya.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Afidatul Syazwani Binti Afandi, penyelia saya, yang telah memberikan bantuan yang tidak ternilai kepada saya sepanjang menjalankan projek ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Sarip A/L Hok dan Maimun A/P Saleh, atas kata-kata sokongan yang tidak pernah putus, serta segala tunjuk ajar dan wang yang mereka berikan kepada saya. .

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya, yang tidak pernah gagal membantu saya dalam mencapai tugas saya.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada projek ini.

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
	Pengesahan Tesis	i
	Penghargaan	ii
	Jadual Kandungan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Bab 1: Pendahuluan	
1.1	Pengenalan	3
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Skop dan Batasan Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
	1.7.1 Kepentingan Kepada Individu	10
	1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat	10
	1.7.3 Kepentingan Kepada Negara	11
1.8	Rumusan	12
	Bab 2: Tinjauan Literatur	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Tinjauan Literatur Berkaitan Sastera Lisan	16
2.3	Tinjauan Literatur Berkaitan Masyarakat	24
2.4	Tinjauan Literatur Berkaitan Masyarakat Orang Asli	26
2.5	Rumusan	27
	Bab 3: Metodologi Kajian	
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Teknik Pengumpulan Data	32
	3.3.1 Data Primer	32

3.3.2	Data Sekunder	32
3.4	Kaedah Kajian	33
3.4.1	Kaedah Kualitatif	33
3.4.2	Kaedah Lapangan	33
3.4.3	Kaedah Perpustakaan	33
3.4.4	Kaedah Soal Selidik	33
3.5	Teori Budaya	34
3.6	Rumusan	35
Bab 4: Analisis Dan Dapatan Kajian		
4.1	Pendahuluan	36
4.2	Mengenalpasti Koleksi Sastera Lisan Masyarakat Orang Asli Jah Hut	36
4.2.1	Cerita Lisan Berdasarkan Gunung	40
4.2.2	Cerita Lisan Berdasarkan Binatang	42
4.2.3	Cerita Lisan Berdasarkan Batu	46
4.3	Menganalisis Kepentingan Sastera Lisan	47
4.3.1	Pendidikan	48
4.3.2	Kepercayaan Dan Adat	50
4.3.3	Hiburan	51
4.4	Mengkaji Usaha Yang Dilakukan Bagi Meneruskan Tradisi Sastera Lisan Masyarakat Orang Asli Jah Hut	52
Bab 5: Rumusan		
5.1	Pendahuluan	55
5.2	Rumusan Dan Kesimpulan	55
5.3	Implikasi Kajian	57
5.4	Cadangan	58
5.6	Penutup	59
	Rujukan	64

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu penyelidikan tentang wadah pemikiran dan konsep kepercayaan dalam sastra lisan bagi masyarakat Orang Asli Jah Hut. Kajian megemukakan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti sastra lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang. Seterusnya, menganalisis kepentingan sastra lisan Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang. Selain itu, mengkaji kepentingan sastra lisan terhadap generasi muda Orang Asli di Temerloh Pahang. Kajian menggunakan pendekatan teori Budaya kerana teori ini berdekatan dengan masyarakat. Kajian memberi fokus kepada sastra lisan iaitu cerita rakyat. Hasil kajian mendapati sastra lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut terdiri daripada tiga jenis cerita utama iaitu cerita bintang, cerita asal usul dan cerita jenaka. Kepentingan sastra lisan masyarakat orang Asli Jah Hut adalah sebagai sumber pendidikan dan hiburan. Sastra lisan banyak memberikan manfaat kepada generasi muda misalnya dalam membentuk tingkah laku yang lebih baik dan keperibadian yang positif. Dapatan kajian mencadangkan agar lebih banyak kajian dijalankan berkaitan sastra lisan masyarakat orang asli ini. Hal ini kerana sastra lisan merupakan warisan dan khazanah turun temurun sejak dulu yang perlu dipertahankan.

Kata Kunci: sastra lisan, masyarakat , Orang Asli Jahut, cerita rakyat.

ABSTRACT

This study is a research on the thinking and concept of belief in oral literature for the Orang Asli community of Jah Hut. The study presents three main objectives, namely to identify the oral literature of the Orang Asli Jah Hut community in Temerloh Pahang. Next, analyze the importance of Orang Asli Jah Hut oral literature in Temerloh Pahang. In addition, to study the importance of oral literature to the young generation of Orang Asli in Temerloh Pahang. The study uses a Cultural theory approach because it is close to society. The study focuses on oral literature i.e. folklore. The results of the study found that the oral literature of the Jah Hut Orang Asli community consists of three main types, namely star stories, origin stories and joke stories. The importance of oral literature of the Jah Hut Indigenous people is as a source of education and entertainment. Oral literature provides many benefits to the younger generation for example in shaping positive behaviors and personalities. The findings of the study suggest that more studies be conducted related to the oral literature of this indigenous community. This is because oral literature is a heritage and a hereditary treasure that needs to be preserved

Keywords: oral literature, society, Orang Asli Jahut, folklore.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Masyarakat orang asli merupakan kumpulan minoriti terdapat di Semenanjung Malaysia. Menurut Juli Edo (2010) di Semenanjung Malaysia Orang Asli terdiri daripada tiga rumpun terbentuk dari 18 suku kaum yang berbeza. Setiap suku kaum yang ada mempunyai adat resam, entiti etnik dan budaya yang tersendiri. Tiga pecahan kumpulan utama terdiri daripada Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Negrito terdiri daripada suku kaum Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Manakala dalam kumpulan Senoi ialah Che Wong, Mahmeri, Jahut, Semoq Beri, Semai dan Temiar. Akhirnya suku kaum yang terdapat dalam Melayu Proto terdiri daripada Kuala, Kanaq, Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan.

Sastera lisan merupakan Kesusasteraan Melayu dalam bahagian prosa tradisional. Sastera lisan merupakan sastera yang tertua dan terawal di Tanah Melayu. Sastera lisan ini lahir dalam kalangan masyarakat Melayu yang berada di pedalaman, desa dan pinggir pantai. Walaupun kebanyakan mereka mengalami masalah buta huruf dan tidak menguasai sistem tulisan namun disebabkan mereka mempunyai daya kreativiti yang tinggi maka sastera lisan ini dikembangkan melalui pertuturan dan penceritaan secara lisan. Sastera lisan disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi kepada generasi yang lain. Sebagai contoh, cerita disampaikan melalui nyanyian, pantun, cerita rakyat dan sebagainya.

Menurut Richard M. Darson (1973) menyatakan bahawa tradisi lisan (oral tradition) sebagai folk literature (kesusasteraan rakyat). Sastera lisan atau lebih dikenali sastera rakyat merupakan sastera yang sangat rapat dengan kehidupan masyarakat. Menurut Kamus Kesusasteraan (2021) definisi sastera lisan adalah sebagai bentuk karya sastera yang muncul

dalam masyarakat pratulisan, dicipta dan disampaikan secara lisan. Sastera rakyat adalah milik bersama masyarakat iaitu sastera hak masyarakat dan bukan milik seseorang individu. Sastera lisan tidak mempunyai pengarang, tiada tarikh dan masa sesebuah karya dicipta. Sastera ini dihasilkan berdasarkan kepercayaan dan cara hidup sesebuah masyarakat itu sendiri. Contoh dalam sastera lisan adalah cerita rakyat. Cerita rakyat merupakan satu bentuk cerita yang dikenali oleh rakyat. Cerita rakyat ini terbahagi kepada cerita asal usul, cerita lagenda, cerita binatang, cerita dongeng, cerita mitos dan cerita jenaka.

Sastera lisan atau 'cekmor' merupakan seni yang sinonim dengan masyarakat orang asli Jahut sejak zaman nenek moyang dahulu lagi. Masyarakat Asli Jah Hut pada zaman dahulu tidak mempunyai teknologi serta alatan media yang canggih untuk memberikan hiburan maka dengan adanya sastera lisan seperti cerita rakyat telah digunakan sebagai medium untuk menghiburkan masyarakat setempat. Cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut sangat dekat dengan budaya mereka. Cerita rakyat masyarakat Asli disampaikan oleh seorang penglipur lara atau lebih dikenali sebagai 'tok'. Penglipur lara adalah gabungan bagi perkataan 'penglipur' iaitu penghibur dan 'lara' membawa makna duka atau kesedihan hati. Penglipur lara merupakan orang yang menghiburkan hati yang duka dengan menyampaikan cerita jenaka yang berunsurkan jenaka (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Cerita rakyat dan masyarakat Asli Jah Hut mempunyai hubungan yang sangat dekat. Cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut terdiri daripada cerita yang berkisarkan tentang asal-usul sesuatu tempat dan kampung, cerita gunung dan cerita berasaskan binatang. Cerita-cerita rakyat ini amat sinonim dengan kehidupan masyarakat Asli. Sebagai contoh, cerita binatang. Cerita binatang kebiasaannya watak dalam sebuah cerita tersebut adalah terdiri daripada binatang namun menggambarkan kehidupan dan pemikiran manusia (Kamus Kesusasteraan, 2021). Masyarakat Asli sememangnya begitu sinonim dengan bintang kerana kebanyakan daripada mereka mencari hasil hutan sebagai sumber pendapatan dan makanan. Kawasan

tempat tinggal mereka di pendalaman menyebabkan mereka mendapat ilham untuk membuat cerita berdasarkan binatang di sekeliling. Antara cerita binatang yang popular ialah Siamang dan Baning, Sumpahan Kelembai, Burung Murai, Sri Kemeja dan sebagainya. Seterusnya, cerita asal usul terjadi dalam pembukaan sesebuah kampung atau tempat. Antara cerita asal usul ialah asal usul Kampung Kuala Terbol, Batu Asah Musuh, Dagu Nenek@ Daguk Yak, Nenek Ciong@Yak Ciong, Sumbang dan sebagainya . Selain itu, cerita jenaka masyarakat Asli seperti Jahulap dan Si Bongsu, Yak Tunggal @ Nenek Tunggal dan sebagainya. Cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut ini sangat sangat istimewa. Hal ini kerana setiap cerita yang dipertuturkan mempunyai tempat berlakunya kejadian di kampung tersebut. Bukti sesuatu kejadian berlaku di kampung tersebut. Keistimewaan ini membawa kepada keunikan cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut.

Masyarakat Asli menjadikan cerita-cerita rakyat sebagai sumber pendidikan secara tidak formal kepada masyarakat setempat misalnya diakhir cerita akan diselitkan pengajaran dan akan disampaikan nilai-nilai moral dalam kehidupan sebagai manusia. Sastera lisan telah banyak membawa perubahan dalam corak pemikiran dan kepercayaan masyarakat Asli Jah Hut. Misalnya dalam konteks sosial dan aspek budaya masyarakat.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sastera lisan atau sastera rakyat merupakan bidang kesusasteraan Melayu yang terawal bertapak di Tanah Melayu. Sastera lisan terbahagi kepada dua bentuk iaitu naratif (prosa) dan bukan naratif (puisi). Bentuk naratif (prosa) mempunyai tiga jenis seperti mitos, lagenda dan cerita rakyat manakala bentuk bukan naratif (puisi) terbahagi kepada pantun, jampi dan sebagainya. Kajian adalah berdasarkan sastera lisan iaitu cerita rakyat. Cerita rakyat mempunyai enam genre utama iaitu cerita asal usul, cerita binatang, cerita lagenda, cerita mitos, cerita jenaka dan cerita dongeng.

Masyarakat Asli Jah Hut memanggil sastera lisan ini sebagai 'cekmor'. 'Cekmor' ini merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Asli Jah Hut sebagai penceritaan. Bentuk sastera lisan masyarakat Asli Jah Hut adalah berbentuk cerita rakyat. Berdasarkan kajian ini, genre sastera lisan yang dilihat melalui cerita berasaskan bintang, cerita berasaskan batu dan cerita berasaskan gunung. Cerita berasaskan bintang seperti Siamang dan Baning, Sri Kemeja, Sumpahan Kelembai, Burung Murai dan sebagainya. Masyarakat Asli Jah Hut sememangnya sinonim dengan selok belok hutan kerana mereka melakukan pekerjaan seperti memunggut hasil hutan dan mencari makanan. Melalui pemerhatian mereka daripada kawasan sekitar maka wujudlah ilham untuk membuat cerita berkaitan bintang. Seterusnya, cerita berasaskan batu seperti Batu Asah Musuh, Batu Gajah dan sebagainya. Selain itu, cerita asal usul. Cerita asal usul ini terjadi apabila berlakunya pembukaan sesebuah tempat atau kampung di kawasan sekitar. Bagi masyarakat Asli mereka percaya sesebuah kampung yang dibuka mempunyai kaitan dengan nama kampung itu. Misalnya, Kampung Kuala Terbol yang diceritakan berasal daripada sebatang sungai yang mana sungai tersebut mengalir dengan warna seperti teh. Cerita gunung ini mempunyai kejadian yang berlaku di kampung masyarakat Asli Jahut. Antara contoh cerita gunung masyarakat Asli Jah Hut ialah Batu Asah Musuh, Dagu Nenek@ Daguk Yak, Yak Ciong@ Nenek Ciong.

Cerita rakyat masyarakat Asli ini dipertuturkan oleh seseorang yang betul-betul memahami selok belok berkaitan cerita rakyat masyarakat Asli. Tukang cerita ini dipanggil penglipur lara atau lebih dikenali sebagai ‘penekmor’ dalam masyarakat Asli. Penglipur lara merupakan seorang yang bertanggungjawab dalam menghiburkan hati yang duka dengan menyampaikan cerita yang berunsurkan jenaka. Penglipur lara adalah daripada seseorang yang mempunyai ingatan yang kuat dan tidak buta huruf. Satu kelebihan yang dimiliki oleh penglipur lara masyarakat Asli walaupun buta huruf namun masih dapat menuturkan cerita rakyat hanya menggunakan pemerhatian dan ingatan yang kuat. Cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut datang daripada tok pawang atau tok bomoh. Setiap pawang memegang satu jenis cerita rakyat. Kebiasaannya penglipur lara cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut datang daripada golongan pawang atau bomoh. Hal ini kerana bagi mendapatkan cerita rakyat tersebut seseorang perlu untuk meminta keizinan daripada pawang tersebut. Menurut Kamus Pelajar Edisi Keempat (2015) cerita rakyat adalah cerita diceritakan serta diperdegarkan dan diturunkan kepada yang lain melalui lisan.

Masyarakat Orang Asli Jah Hut adalah daripada kumpulan Senoi. Masyarakat Orang Asli dari suku kaum Jah Hut hanya terdapat di Pahang dan hanya terdapat di daerah Temerloh dan Jerantut. ‘Jah’ membawa maksud orang dalam dialek Jah hut manakala ‘Hut’ membawa makna hutan (Carey, 1976). Maka gabungan daripada kedua perkataan ini membawa maksud ‘Orang Hutan’. Masyarakat Asli Jah Hut di Temerloh terdiri daripada kampung Penderas, Pasu, Lubuk Wong, Pian dan Terboi. Kaum Jah Hut hanya terdiri daripada 4,150 buah keluarga. Manakala di daerah Jerantut terdiri daripada kampung Sungai Kiol dan Sungai Kol. Kawasan ini terdapat di Mukim Ulu Cheka. Kebiasaannya sastera lisan dalam masyarakat Jahut dijadikan sebagai wadah pendidikan dan sumber pengajaran. Sebagai contoh, pada zaman dahulu masyarakat orang asli tidak mendapat pendidikan formal di sekolah-sekolah maka melalui sastera lisan ini anak-anak muda dapat menilai yang mana baik dan buruk berdasarkan

penceritaan yang disampaikan. Dalam pengakhiran cerita, penglipur lara akan menyelitkan pengajaran yang diperolehi daripada cerita rakyat tersebut. Cekmor yang disampaikan akan diberikan penerangan terlebih dahulu tentang watak dan perwatakannya oleh penglipur lara yang mahir dalam bidang ini. Namun pada masa kini, penceritaan sastera lisan semakin berkurangan dan tidak ada lagi generasi penerus yang akan membawa penceritaan cerita rakyat ini kepada generasi seterusnya.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membuka mata generasi baru dan masyarakat luar dalam mengenali sastera lisan masyarakat Asli Jah Hut. Pengkaji turut berharap agar kajian ini dapat memberikan pengetahuan kepada generasi muda khususnya dalam kalangan masyarakat orang asli agar dapat mengekalkan tradisi peninggalan nenek moyang ini supaya tidak luput ditelan dek zaman.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang pertama ialah ketidakfahaman terhadap sastera lisan pada masa kini. Ramai orang asli Jah Hut tidak memahami dan mengenali sastera lisan khususnya golongan muda pada masa kini. Pemikiran golongan muda telah memberi pandangan yang negatif berkaitan dengan sastera lisan masyarakat. Golongan muda pada masa kini sudah beranggapan bahawa sastera lisan tidak logik. Menurut Umar Junus (dalam Minah Sintian, 2014) penceritaan sastera lisan mempunyai logik yang berbeza di mana ia tidak bersesuaian dengan logik masyarakat umum. Hal ini kerana, mereka beranggapan cerita yang disampaikan hanya imaginasi semata-mata dan sangat tidak masuk akal. Pelbagai persoalan yang muncul di dalam pemikiran mereka misalnya adakah logik cerita yang disampaikan, adakah kejadian tersebut benar-benar berlaku dan adakah watak yang diceritakan bersesuaian. Misalnya dalam cerita asal usul adakah sesebuah tempat atau kampung itu wujud bersesuaian dengan cerita yang disampaikan

Ketidakfahaman golongan muda terhadap sastera lisan menyebabkan mereka tidak memahami kelebihan cerita rakyat. Cerita rakyat pada zaman dahulu banyak memberikan manfaat dalam kehidupan manusia. Misalnya dalam memberikan pendidikan, pengajaran dan sebagainya. Namun kerana golongan muda pada masa kini kurang meminati sastera lisan ini menyebabkan mereka hanya mendengar sambil lewa. Mereka hanya mendengar namun tidak cuba untuk memahami apa maksud tersirat dalam cerita tersebut. Selain itu, mereka tidak dapat menangkap pemikiran yang ingin disampaikan dalam cerita tersebut.

Kesimpulannya, dengan perkembangan teknologi dan adanya gajet-gajet dalam era glolabisasi ini menyebabkan sastera lisan sudah tidak dianggap begitu relevan lagi dan semakin dilupakan. Golongan muda sudah tidak lagi tertarik dengan sastera lisan ini. Sastera lisan merupakan salah satu khazanah warisan kita yang perlu dipertahankan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Melalui kajian ini, pengkaji mengetengahkan persoalan yang membincangkan kepada topik kajian. Berpandukan kepada permasalahan dan objektif, kajian mengemukakan persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah jenis cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jah Hut yang disampaikan kepada umum?
2. Apakah kepentingan cerita rakyat Orang Asli Jah Hut dalam membawa perubahan dalam pemikiran dalam kehidupan sosial masyarakat?
3. Sejauhmanakah usaha yang dilakukan bagi meneruskan tradisi cerita rakyat masyarakat orang Orang Asli Jah Hut masa kini ?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti sastera lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang
2. Menganalisis kepentingan sastera lisan Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang
3. Mengkaji usaha yang di lakukan bagi meneruskan tradisi cerita rakyat Orang Asli Jah Hut terhadap sastera lisan di Temerloh Pahang.

1.6 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kawasan yang dipilih oleh pengkaji adalah merangkumi penempatan masyarakat Asli Jah Hut. Kajian dilakukan tertumpu hanya kepada masyarakat Asli daripada suku kaum Jah Hut di Temerloh Pahang Darul Makmur. Pemilihan tapak kajian adalah berdasarkan kepada masyarakat Asli Jah Hut dari kampung Penderas, Pian, Lubuk Wong, Pasu dan Terbol. Kajian ini menfokuskan kepada sastera lisan melalui cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut. Masyarakat Asli Jah Hut mempunyai tiga genre cerita rakyat yang utama iaitu cerita binatang, cerita asal usul dan cerita jenaka. Selain itu, pengkaji membataskan untuk mengenalpasti sastera lisan masyarakat Asli. Pengkaji menemu bual beberapa penglipur lara yang begitu arif tentang cerita-cerita rakyat masyarakat setempat. Seterusnya, pengkaji juga menganalisis kepentingan sastera lisan dalam kehidupan masyarakat Asli. Selain itu, pengkaji turut mengkaji kesan sastera lisan terhadap generasi muda masyarakat orang asli. Pengkaji menemu bual responden daripada golongan remaja masyarakat orang asli Jah Hut.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan begitu penting bagi mengupas tentang lebih lanjut berkaitan sastera lisan masyarakat Orang Asli yang kurang dikenali, difahami dan diamalkan oleh generasi masa kini. Tuntasnya, kajian ini adalah untuk mengekalkan sastera lisan atau 'cekmor' dalam masyarakat Asli Jah Hut agar tidak dilupakan serta pupus begitu sahaja. Dalam era globalisasi ini, sastera lisan juga tidak dipedulikan lagi oleh segelintir masyarakat kerana mereka beranggapan bahawa cerita rakyat sudah tidak begitu relevan dalam masyarakat pada masa kini.

I. Kepentingan kepada Individu

Kepentingan kajian ini kepada seseorang individu ialah dapat memahami kelebihan dan kebaikan daripada sastera lisan. Sastera lisan banyak memberi manfaat dan kebaikan kepada individu. Misalnya jika seseorang benar-benar memahami sastera lisan daripada cerita rakyat ini maka ia dapat mengetahui kepentingan cerita rakyat ini. Sebagai contoh pengajaran dalam cerita rakyat tersebut, dapat memahami budaya sesebuah masyarakat melalui cerita rakyat, pemikiran masyarakat melalui cerita rakyat dan sebagainya. Selain itu, ia turut mewujudkan komunikasi yang baik dalam diri individu.

II. Kepentingan kepada Masyarakat

Masyarakat dapat mengenali budaya masyarakat lain melalui cerita rakyat ini. Hal ini kerana setiap kaum di Malaysia misalnya seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya mempunyai cerita rakyat yang berbeza. Masyarakat dapat mempelajari serta mendengar cerita rakyat kaum lain.

III. Kepentingan kepada Negara

Sastera lisan melalui cerita rakyat ini dapat dikembangkan lagi kepada peringkat antarabangsa. Dapat mengkomersialkan cerita rakyat ini di peringkat antarabangsa. Misalnya dengan membukukan dan membuat filem berkenaan cerita rakyat ini. Hal ini akan dapat mencipta peluang agar cerita rakyat negara di kenali oleh seluruh negara. Selain itu, ia dapat mengekalkan sastera lisan dalam cerita rakyat ini agar tidak pupus. Selain itu kepentingan kajian ini kepada negara dapat mengembangkan cerita rakyat ini kepada masyarakat antarabangsa.

Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh para penyelidik dan golongan sastera untuk memahami pemikiran masyarakat Orang Asli melalui sastera lisan daripada kaca mata bangsa masyarakat lain. Sastera lisan merupakan satu bidang kesusasteraan yang terawal dan dianggap sebagai khazanah warisan negara. Sastera lisan ini seharusnya dijaga dan tidak seharusnya dibiarkan sepi dan pupus begitu sahaja.

8.1 Rumusan

Secara keseluruhan, kajian ini berfokus kepada sastera lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut dari segi pemikiran dan konsep kepercayaan mereka. Pengkaji menjalankan kajian adalah bagi memastikan generasi muda bagi masyarakat Asli tidak melupakan sastera lisan yang diamalkan oleh nenek moyang pada waktu dahulu. Selain itu, pengkaji juga ingin agar lebih ramai masyarakat yang memahami tentang kepentingan sastera lisan tersebut terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli. Pengkaji juga ingin melihat kesan sastera lisan terhadap generasi muda masyarakat Orang Asli. Hal ini adalah untuk memastikan agar sastera lisan tersebut tidak pupus begitu sahaja.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Untuk membuat kajian terkini, tinjauan literatur ialah pemeriksaan bahan yang diperoleh daripada jurnal, buku, dan kajian terdahulu (tesis) (Amani Dahaman, 2011). Penyelidik menjalankan kajian literatur tentang kaedah pengumpulan maklumat yang relevan dengan masalah kajian. Kajian literatur ialah proses sistematik yang memerlukan penelitian rapi dan keupayaan untuk mencari, mengumpul, membaca dan meringkaskan maklumat dengan lebih mendalam. Dalam setiap kajian, tinjauan literatur adalah penting kerana ia dapat memberikan idea dan penentu hala tuju untuk penyelidikan.

Kajian ini adalah bagi melihat kajian lepas yang dilakukan berkaitan dengan sastera lisan dan cerita rakyat. Kajian ini turut melihat kajian lepas yang dihasilkan oleh penyelidik berkaitan dengan cerita rakyat masyarakat orang asli.

2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Sastera Lisan

Penulisan Dr. Haji Syed Abdullah bin Syed Sulaiman (2013) dalam jurnalnya yang bertajuk Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula. Kajian ini adalah bagi membicarakan tentang sastera lisan iaitu berkaitan dengan sastera rakyat atau sastera lisan. Kajian ini bagi menerangkan tentang ciri-ciri sastera rakyat. Seterusnya, kajian adalah bagi menerangkan tentang kedudukan sastera rakyat seperti kepentingan dan peranan sastera rakyat. Kajian ini adalah bagi memperkasakan lagi tradisi lisan sebagai khazanah warisan masyarakat dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang sastera lisan atau lebih dikenali sebagai sastera rakyat.

Kajian Lily Salwani Razali dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2019) mengenai Puisi Lisan: Warisan Bangsa Melayu. Kajian ini adalah berdasarkan kepada satu objektif utama iaitu menggariskan kepelbagaian fungsi lisan Melayu. Kajian ini untuk melihat bagaimana fungsi lisan Melayu dapat diterapkan dalam suasana masyarakat yang bersifat tradisi. Melalui kajian ini pengkaji mengambil puisi lisan seperti pantun, peribahasa, teromba, talibun, teka-teki dan seloka.

Mohammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Muhd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajian jurnal bertajuk Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. Kajian menggunakan 10 cerita rakyat yang terdapat dalam teks Koleksi 366 Cerita Rakyat. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerita lisan. Antara nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerita lisan adalah seperti baik hati, rendah hati, murah hati, nilai persahabatan dan percaya kepada Tuhan. Kajian ini menggunakan teori Takmilah untuk mengaplikasikan kepada nilai-nilai kemanusiaan. Teori Takmilah digunakan berdasarkan kepada lima prinsip utama iaitu sastera dengan ilmu, pengkarya mengistimakan diri, khayalak memupuk kearah insan Kamil khayalak dengan sastera, keislaman bersifat Akmal dan ketuhanan bersifat Kamal. Melalui kajian ini dapat dipaparkan bahawa cerita lisan Melayu banyak memaparkan aspek atau nilai-nilai kemanusiaan yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat.

Penglibatan Universiti dan Masyarakat: Faedah Sastera Lisan di Malaysia merupakan kajian yang diterbitkan dalam jurnal pendidikan oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman pada tahun 2013. Matlamat kajian adalah untuk mengkaji sama ada tahap penglibatan yang sama mungkin memberi kesan positif dalam bidang tradisi lisan di Malaysia. Komitmen ini bukan sahaja terikat dengan inisiatif komuniti, tetapi juga dengan pemeliharaan legasi dan budaya masyarakat. Penglibatan universiti dan masyarakat dalam subjek sastera menguntungkan

kedua-dua pihak kerana ia membolehkan mereka mencipta dan mempertahankan warisan bangsa.

Amrina Rosyada (2020) kajian bertajuk *Transliterasi Naskah Dan Wujud Tradisi Lisan Dalam Naskah Sari Sastera Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Sastra (Tinjauan Filologi dan Antrapologi)*. Kajian bertujuan untuk mentransliterasi naskah serta kewujudan tradisi lisan yang terdapat dalam naskah Sari Sastera. Kajian mendapati terdapat tujuh tradisi lisan yang terdapat dalam naskah tersebut antaranya tradisi berbahasa dan dan akasara lokal, kesusasteraan lisan, pertunjukkan dan permainan rakyat, teknologi tradisional, pelambagaan dan simbol, seni dan muzik rakyat, panorama dan kondisi alam. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kewujudan tradisi lisan yang terdapat dalam yang terdapat di Indonesia.

Muhammad Yunus dan M.Ridha Anwari (2013) dalam jurnal pendidikan bertajuk *Makna dan Fungsi Mahalabiu Dalam Pertuturan Masyarakat Desa*. Kajian ini adalah bertujuan untuk melakukan penelitian terhadap Mahalabiu dari segi struktur wacana, makna dan fungsi. Mahalabiu merupakan sastera lisan yang mempunyai makna yang berganda. Melalui hasil kajian mendapati fungsi Mahalabiu sebagai alat komunikasi seperti gurauan, menyindir orang, menguji kebijaksanaan seseorang, alat untuk mengetahui sesuatu kejadian, alat untuk memberikan pendidikan. Mahalabiu membawa maksud homonim, homofon, pengurangan frasa dan komen tidak sesuai dengan topik.

Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu daripada Mohd Firdaus Che Yaacob tentang *Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan (2018)*. Matlamat kajian adalah untuk menentukan kepentingan naratif lisan yang terdapat dalam cerita rakyat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan. Ia juga berhasrat untuk mengkaji sifat-sifat mulia menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral, dakwah, dan kemasyarakatan digunakan untuk menganalisis teori pengkaedahan Melayu. Cerita rakyat menawarkan sifat-sifat mulia yang boleh dijadikan panduan hidup, menurut dapatan kajian ini.

Gegar Budaya Perantau Dalam Sastra Lisan Minangkabau Malin Kundang hasil penulisan Mina Elfira (2020). Kajian bertujuan untuk mengkaji budaya merantau dikonstruksikan dalam sastra lisan Minangkabau. Kajian menggunakan pendekatan sosiologi. Hal ini kerana karya-karya sastra merupakan sebahagian daripada hasil budaya masyarakat. Hasil kajian mendapati bahawa sastra lisan Minangkabau Malin Kundang berkait rapat untuk menunjukkan budaya lokal Minangkabau. Misalnya budaya Matrilineal. Seterusnya, merantau, adat dan hukuman. Melalui kajian tersebut dapat dilihat bahawa teks Malin Kundang digunakan adalah sebagai satu sarana edukasi bagi masyarakat Minangkabau. Teks ini digunakan sebagai pengajaran kepada masyarakat apabila sudah merantau jauh dari kampung halaman tetaplah menjaga adat dan tidak melupakannya. Kejutan budaya yang dihadapi oleh Malin Kundang menyebabkan beliau lupa akan adatnya.

Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. Matlamat penyelidikan adalah untuk mencari akal dalam bercerita lisan di Kota Bharu. Analisis akal naratif lisan seterusnya. Dari perspektif pendekatan komuniti, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Mengikut dapatan kajian, naratif lisan akal mampu melahirkan sikap rasional dalam masyarakat.

2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Masyarakat

Dalam karya Nilai Anti Rasuah Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Melayu, Prof Dr Yusmar Yusuf M.Psi (2012) (Riau). Timbulnya perilaku rasuah dalam masyarakat Indonesia dianggap sebagai penyebabnya. Masyarakat Melayu Riau mempunyai kepercayaan dan nilai yang muncul dalam budayanya melalui tradisi lisan, seperti yang dibuktikan oleh kajian ini. Ia dibangunkan untuk mencegah dan menghapuskan tingkah laku rasuah dalam masyarakat dan kerajaan melalui prinsip budaya ini.

Kajian Hebransyah Usman, Ulul Szmi, Zahir Ahmad dan Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2014) bertajuk Mitos Harimau dalam Tradisi Lisan Masyarakat Kerinci di Jambi, Sumatera. Kajian adalah bagi memberikan penjelasan tentang kedudukan harimau dalam tradisi lisan masyarakat Kerinci di Pulau Tengah, Jambi. Tradisi lisan ini berpandukan kepada cerita mitos Bujang Nunggal dan Puter Harimau Pasemah. Berdasarkan penelitian dalam kajian ini, didapati kisah Bujang Nunggal memperlihatkan kearifan dalam menangani kehidupan bermasyarakat. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa tradisi lisan menjadi alat komunikatif yang penting untuk menyampaikan pesanan. Ia bertujuan untuk menstrukturkan hubungan masyarakat.

Hubungan Rakyat dan Pemerintahan Dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan, oleh Marlina Tengku Mohd Ali, Rohayati Junaidi, dan Maizira Abdul Majid (2020). Melalui kesusasteraan rakyat, kajian tentang hubungan antara rakyat dan kerajaan dijalankan. Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara rakyat dan kerajaan dalam sejarah lisan Pahang. Berikutan itu, ia akan mengkaji kesan interaksi timbal balik antara pemimpin dan rakyat dalam tradisi lisan menggunakan Teori Kepimpinan Northouse (2013).

Kajian Noorzatul Hidayah binti Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal dan Nasirin Abdillah (2021) bertajuk Ritual Dalam Cerita Rakyat di Mukim Bebar, Pekan, Pahang

Malaysia. Kajian adalah mengenai cerita rakyat yang mempunyai hubungkait dengan aktiviti ritual masyarakat. Kajian mengemukakan dua objektif utama iaitu mengenalpasi dan membincangkan ritual yang terkandung dalam cerita rakyat. Kajian menggunakan teori fungsionalisme. Hasil kajian mendapati bahawa ritual dalam cerita rakyat di Mukim Bebar Pekan, Pahang mempunyai hubungan yang rapat dengan kebudayaan masyarakat Melayu.

Kajian Ece Sukmana (2018) bertajuk Aspek Sosial Budaya dalam Cerita Rakyat Enyang di Desa Cipancar. Kajian mengenai cerita rakyat Enyang di Desa Cipancar daripada aspek sosial dan budaya. Hasil kajian yang didapati aspek sosial ialah karakter masyarakat desa yang berpegang teguh kepada janji dan amanah. Daripada aspek budaya hasil kajian mendapati masyarakat Cipancar memegang teguh kepada ajaran agama. Masyarakat Cipancar memegang teguh kepada keyakinan mereka walaupun dalam era pembangunan.

Penulisan Sesilia Seli dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) dalam jurnal bertajuk Makna Simbol-Simbol Fizikal daripada Kearifan Tempatan Dalam Cerita Ne'Baruakng Kulup Sastera Lisan Dayak Kanayatn. Kajian ini bertujuan untuk merungkapkan makna tersirat dan tersurat berkaitan simbol fizikal dan simbol spiritual dalam cerita rakyat tempatan iaitu Ne'Baruakng Kulup. Kajian menggunakan kaedah pendekatan hermeneutik yang mempunyai enam klafikasi makna seperti makna yang mempunyai hubungkait dengan kepercayaan warisan, tradisi dan adat resam, identiti, alam persekitaran, perilaku hidup, masyarakat dan kerativiti dan teknologi.

Alvia Arifita Arifin dan Defita Dwi Anggi (2020) dalam artikel bertajuk Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Yang Terkandung Dalam Folklor Potre Koneng Sebagai Cerita Rakyat Masyarakat Kabupaten Sumenep. Kajian adalah bertujuan untuk mengetahui nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Potre Koneng. Hasil kajian mendapati cerita rakyat Potre Koneng dijadikan sebagai pembelajaran dalam etika. Etika terdiri daripada etika

deskriptif dan etika naratif. Terdapat juga etika nomatif seperti melaksanakan ibadah kepada Tuhan, berbakti kepada ibu bapa dan menjauhi hal yang dilarang oleh agama. Cerita rakyat Potre Koneng turut dijadikan sebagai pembelajaran norma. Antaranya norma agama, hukum, kesusilaan dan kesopanan. Pendidikan karakter dalam cerita rakyat supaya masyarakat dapat mempelajari serta memiliki keperibadian dan akhlak yang baik.

M.Kristanto (2014) kajiannya bertajuk Pemanfaatan Cerita Rakyat Sebagai Penanaman Etika Untuk Membentuk Pendidikan Karakter Bangsa. Kajian adalah bertujuan untuk melihat nilai-nilai etika yang terdapat dalam cerita rakyat di Indonesia. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa etika yang digunakan dalam cerita rakyat sebagai pendidikan karakter. Misalnya nilai-nilai karakter seperti keagamaan, budaya, semangat cinta akan negara, persahabatan, kerjasama, tanggungjawab, kejujuran dan demokratif. Cerita rakyat mampu untuk memaparkan contoh moral yang baik kepada masyarakat.

Linda Unsriana (2013) kajian bertajuk Nilai Kearifan Local Dalam Cerita Rakyat Jepun (Minwa). Kajian adalah bertujuan untuk melihat nilai kearifan yang terkandung dalam cerita rakyat Jepun iaitu Minwa. Melalui hasil kajian mendapati nilai kearifan yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut adalah seperti nilai membalas budi. Kajian menggunakan sumber teks cerita rakyat Balas Budi Burung Bangau, Ojizousama, Shita Kiri Suzume.

Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kalimantan Barat hasil penulisan Muhammad Zikri Wiguna, Al Ashadi Alimin (2017). Kajian bertujuan untuk mendeskriptif nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat Kalimantan Barat. Kajian menggunakan teks cerita rakyat iaitu Batu Abak Uwek, Batu Beturat, Batu Lubur, Keramat Menyabo, Kiong Kandang, dan Selangkang Tulang. Hasil kajian mendapati terdapat dua jenis nilai moral seperti nilai moral yang berkaitan dengan diri sendiri dan nilai moral berkaitan dengan masyarakat.

Nilai moral berkaitan dengan diri sendiri terdiri dari aspek menghargai dan bekerja keras manakala nilai berkaitan masyarakat terdiri daripada kerukunan, kasih sayang dan kerjasama.

Nilai-nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Kebokicak Karang Kejambondi Kabupaten Jombang penulisan Adinda Citra Sholechaini (2012). Kajian bertujuan untuk melihat bagaimana nilai-nilai budaya yang berkaitan dengan hubungan antara manusia dan manusia, Tuhan, alam dan diri sendiri yang terdapat dalam cerita rakyat Kebokicak Kejambondi Jombang. Hasil kajian mendapati hubungan manusia dan manusia adalah terdiri dari aspek nilai rela berkorban, kasih sayang dan gotong-royong kerana wujudnya sikap tolong-menolong. Seterusnya dari aspek hubungan manusia dan Tuhan adalah terdiri daripada nilai taqwa dan pasrah diri. Selain itu, dari aspek hubungan manusia dengan alam adalah terdiri daripada nilai menjaga kawasan iaitu dengan tidak merosakkan alam sekeliling. Nilai yang terdapat dalam hubungan antara manusia dan diri sendiri ialah nilai percaya akan diri sendiri dan keteguhan pada diri sendiri. Cerita rakyat Kebokicak Kejambondi Jombang mempunyai nilai-nilai yang dapat memberi manfaat kepada pembaca.

Menggali Nilai Dan Fungsi Cerita Rakyat Sultan Hadirin Dan Masjid Wali At-Taqwa Loram Kulon Kudus penulisan Mohammad Kanzunudin (2017). Kajian adalah bagi mengkaji nilai dan fungsi cerita rakyat Sultan Hadirin Dan Masjid Wali At-Taqwa Loram. Kajian mendapati bahawa dalam cerita rakyat tersebut terdapat nilai kearifan lokal seperti aspek kepimpinan, tradisi, budaya dan sosial serta nilai pendidikan yang terdiri daripada etika dan moral. Cerita rakyat Sultan Hadirin Dan Masjid Wali At-Taqwa Loram berfungsi sebagai sistem pendidikan, membangunkan karakter dan identiti sesuatu masyarakat, sebagai sistem pengenalan dan pemahaman terhadap nilai budaya sesebuah masyarakat, modal sosial bahan komunikasi antara masyarakat.

Nilai Kerukunan Pada Cerita Rakyat Dayuhan-Intingan Di Kabupaten Tapin Kalimantan Selatan penulisan Joko Tri Haryanto (2018). Kajian ini bertujuan untuk melihat isi dan nilai-nilai kerukunan yang terkandung dalam cerita rakyat Dayuhan dan Intingan. Hasil kajian mendapati dalam cerita rakyat Dayuhan dan Intingan mempunyai beberapa nilai kerunan yang terkandung dalamnya. Antaranya ialah nilai saling percaya, nilai kesatuan kemanusiaan, hormat-menghormati serta penyelesaian konflik. Kajian ini menggunakan turut menggunakan kerangka teoretik. Pendekatan yang digunakan adalah berdasarkan teks. Nilai kerukunan ini amat penting untuk diamalkan dalam kehidupan harian bagi menjamin kesejahteraan setempat.

Penulisan jurnal oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shahrudin dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) bertajuk Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Seterusnya, ia turut menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Kajian menggunakan pendekatan teori Pengkaedahan Melayu. Penggunaan teks Himpunan 366 Cerita Rakyat digunakan sebagai sumber utama dalam kajian tersebut. Hasil kajian mendapati nilai kejujuran terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat mampu untuk membentuk seseorang manusia mempunyai tingkah laku serta keperibadian yang positif dan baik.

Penulisan jurnal yang bertajuk Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni daripada Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014). Kajian bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat terhadap pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Kajian menggunakan teks Himpuna 366 Cerita Rakyat Cerita Rakyat Di Malaysia sebagai teks utama. Kajian menggunakan teori Pengkaedahan Melayu seperti pendekatan alamiah, pendekatan keagamaan dan pendekatan seni. Melalui kajian ini terdapat nilai murni yang terkandung dalam

cerita rakyat tersebut seperti kasih sayang, kejujuran, keberanian, bermuafakat, kerajinan dan hormat-menghormati. Hasil kajian mendapati sikap pengarang yang bijak dalam penghasilan sesebuah cerita rakyat telah memberikan nilai yang berharga dalam diri kanak-kanak.

Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu penulisan Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015). Kajian bertujuan untuk mengenal pasti nilai jati diri yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Antara nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut ialah berhemah tinggi, keberanian, kasih sayang, kerajinan, kerjasama dan rasional. Seterusnya, membincangkan nilai jati diri yang terdapat dalam cerita rakyat. Kajian ini turut menggunakan pengkaedahan teori ekologi budaya.

Penulisan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) bertajuk Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. Kajian bertujuan untuk meneroka nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu. Teks utama yang digunakan ialah Himpunan 366 Cerita Rakyat Melayu. Untuk merungkaikan lagi hujah kajian dengan lebih jelas kajian menggunakan teori Takmilah. Hasil kajian mendapati terdapat nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu seperti tawakal, merendah diri, bersyukur, taat dan persahabatan. Cerita rakyat terkandung banyak nilai positif yang mampu untuk membentuk kepada tingkah laku manusia. Oleh hal demikian cerita rakyat wajar untuk dipertahankan dan dijaga.

Nilai-nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian kajian penulisan Fifi Anak Rinyuk (2017). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat kaum Bidayuh. Kajian adalah untuk menghuraikan, mengkategorikan dan menghubungkan nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat bidayuh dengan kehidupan masyarakat. Kajian menggunakan pendekatan moral bagi menganalisis

kajian ini dengan lebih teliti. Kajian mendapati bahawa nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat kaum Bidayuh mempunyai banyak kebaikannya kepada masyarakat setempat. Misalnya sarat dengan nilai pengajaran.

Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-Kanak hasil penulisan Siti Zuhaidah Zakeria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2014). Kajian bertujuan untuk mengenal pasti konflik yang berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu. Seterunya adalah menganalisis konflik yang berlegar dalam kalangan masyarakat dahulu. Selain itu, penyelesaian yang dilakukan untuk menyelesaikan konflik tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai konflik yang berlaku memaparkan pergolakan hidup masyarakat zaman dahulu. Konflik terdiri daripada konflik dalaman dan luaran. Cerita rakyat digunakan sebagai wadah dalam menyampaikan pembelajaran. Konflik hidup yang berlaku dapat membentuk personaliti seseorang individu.

World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu penulisan Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud (2013). Kajian bertujuan untuk melihat aspek world-wide tradisi lisan dan budaya sesebuah masyarakat. Ia dapat dikenal pasti melalui perlakuan dan individu atau masyarakat melalui watak dan perwatakan dalam cerita rakyat. Kajian bertujuan untuk merungkai world-wide dan sistem politik masyarakat Melayu tertumpu kepada stratifikasi tertinggi iaitu raja. Tugas penglipur lara untuk menceritakan maklumat yang betul supaya difahami oleh masyarakat. Tradisi lisan mencakupi world-view dan budaya sesuatu masyarakat. Melalui cerita rakyat juga masyarakat didedahkan dengan sistem politik.

Atikah Batubara dan Nurizzati (2020) kajian bertajuk Struktur Dan Fungsi Sosial Cerita Rakyat Legenda Asal Usul Kampung Batunabontar. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui struktur dan fungsi sosial legenda cerita rakyat bernama Batunabontar Batang

Natal kabupaten Mandailing Natal. Struktur cerita ini terdapat empat cerita yang mengandung empat informan penelitian. Bahasa yang digunakan ialah menggunakan bahasa Mandailing. Fungsi sosial cerita rakyat tersebut adalah untuk menghibur, memberi pendidikan, mewariskan dan membentuk jati diri. Jelaslah bahawa cerita rakyat perlu dipertahankan agar masyarakat pada masa kini dapat memahami kepentingannya.

Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak penulisan Arba'ie Sujud Liliy Salwani Bt Razali Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2011). Kajian adalah bertujuan untuk melihat pandangan serta sikap masyarakat. Kajian memberi fokus kepada cerita rakyat kanak-kanak bagi memberikan gambaran kehidupan masyarakat yang meliputi aspek sosiobudaya dan sistem kepercayaan. Melalui hasil kajian didapati terdapat amanat dan pendoman yang disampaikan kepada masyarakat melalui cerita rakyat. Fenomena sosial yang terdapat dalam cerita rakyat kanak-kanak adalah dari segi aspek pemerintahan, kepimpinan, kepercayaan dan nilai kemanusiaan.

2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Masyarakat Asli

Penulisan tesis yang ditulis oleh Mohd Fahmi Ismail daripada Universiti Putra Malaysia bertajuk Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. Kajian bertujuan untuk mengkaji nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang asli suku kaum Temiar. Nilai budaya yang diperolehi oleh pengkaji ialah nilai keamanan, kesejahteraan, menghormati warga tua, kejujuran dan sebagainya. Selain itu, kajian turut mendokumentasikan cerita rakyat masyarakat orang asli. Seterusnya, kajian juga adalah untuk menjurumuskan nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat Temiar dalam kehidupan mereka.

Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2015) dalam jurnal pendidikan yang bertajuk Awang Batil dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi Penglipur Lara Melayu dan Orang Asli.. Kajian bertujuan untuk melihat perbandingan dan persamaan antara dua penglipura lara ini iaitu Awang Batil dan Pura Taman. Hasil kajian mendapati Awang Batil dalam penceritaannya mempunyai tokoh tambah seperti elemen muzik agar dapat menarik perhatian khalayak serta dapat menambah elemen kelucuan. Manakala Pura Taman lebih berpegang kepada cerita asal dan warisan cerita tersebut. Seterusnya, kajian turut mendokumentasikan proses kemunculan seseorang pencerita. Selain itu, ia turut menganalisis peranan mereka dalam konteks persekitaran yang mereka diami.

Menurut Mohd Nazli Abdul Rahman dan Mariani (2007) dalam kajian jurnal bertajuk Cerita Rakyat Orang Asal Sabah sebagai Medium Pembelajaran: Analisis Keperluan. Dalam kajian ini menyatakan bahawa tahap pendidikan kanak-kanak orang asal adalah paling rendah serta mereka tidak dapat menguasai literasi dan numerasi. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti cerita rakyat yang bersesuaian dalam pembelajara literasi kanak-kanak orang asal. Hasil kajian mendapati cerita rakyat yang sesuai untuk modul pembelajaran seperti cerita Asal Usul

Padi, Dongeng Kinabalu, Ikan dan Tupai dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa dalam membentuk sikap jati diri dalam generasi muda orang asal cerita-cerita rakyat yang bersesuaian perlu dibangunkan dalam model pembelajaran asas literasi.

Kajian jurnal oleh Siti Fatiemah Sa'at dan Jama'Yah Zakaria (2013) yang bertajuk Masa Depan Cerita Rakyat Orang Asli Jakun. Kajian ini bertujuan untuk memberi fokus terhadap pemuliharaan cerita orang asli Jakun di Rompin Pahang. Kajian ini berkaitan dengan masa depan cerita rakyat Orang Asli Jakun yang semakin dilupakan. Kajian ini mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadi sebab pupusnya cerita rakyat ini adalah daripada sikap manusia yang mempunyai sikap sambil lewa dan tidak menghargai cerita-cerita rakyat. Selain itu, faktor mitos yang menyebabkan masyarakat pada kini menganggap tidak bernilai dan tidak logik pada masa kini. Seterusnya, asimilasi budaya yang berlaku menyebabkan banyak percampuran budaya sehingga masyarakat orang asli tidak mahu menjaga cerita rakyat ini. Mereka lebih tertarik dengan budaya lain.

Aishah Binti Abdul Malek, Mohd Nazri Abdul Rahman dan Muhammad Asyraf Mansur (2019) dalam kajian bertajuk Kurikulum Berkepelbagaian Budaya untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak Orang Asli. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang aspek kurikulum berkepelbagaian budaya dalam pembelajaran literasi awal kanak-kanak orang asli melalui kaedah cerita rakyat. Hasil kajian mendapati faktor yang mempengaruhi kefahaman dalam pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak Orang Asli adalah melalui penceritaan cerita rakyat. Selain itu, cerita rakyat ini dapat menyumbang kepada kejayaan dalam bidang akademik dan emosi kanak-kanak Orang Asli.

2.3 Rumusan

Berdasarkan kepada tinjauan literature yang telah dijalankan oleh peyelidik-penyelidik dahulu, dapat dilihat dan disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan sastera lisan. Pada bahagian ini ia membincangkan berkaitan hasil tinjauan literature terdahulu, dalam kajian ini dapat dilihat bahawa sastera lisan telah banyak memberi manfaat dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terdapat pelbagai kajian yang diperolehi melalui sastera lisan khususnya dalam cerita rakyat. Cerita rakyat merupakan wadah untuk menyampaikan pendidikan kepada masyarakat kerana cerita rakyat terkandung pelbagai nilai-nilai dan makna yang tersirat yang membolehkan masyarakat berfikir. Kelebihan tinjauan literature adalah dapat memberi ilmu pengetahuan dan rujukan kepada pengkaji akan datang khususnya dalam sastera lisan. Walaubagaimanapun ,terdapat juga kelemahan yang terdapat dalam tinjauan literature dalam kajian ini antaranya ialah kekurangan kajian berkaitan sastera lisan khususnya masyarakat Orang Asli Jah Hut.

BAB 3


METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan elemen yang penting dalam sesuatu kajian agar penyelidikan yang dilakukan mempunyai kaedah paling sesuai dan berkesan dalam menjawab setiap permasalahan kajian. Metodologi membawa maksud ilmu tentang metode atau sistem merangkumi kaedah serta prinsip digunakan dalam sesuatu kegiatan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Metode bermaksud sesuatu cara dilakukan atau sistem. Kajian membawa maksud kegiatan iaitu usaha dan proses yang dilakukan dalam mengkaji sesuatu isu berdasarkan tempoh masa tertentu dengan menggunakan data dan maklumat yang dikumpulkan. Kepentingan metodologi kajian adalah bagi memudahkan penyelidik melakukan kajian dengan lebih sistematik.

Kajian menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Kajian menggunakan sumber primer dan sekunder bagi mendapatkan maklumat yang lengkap berkaitan dengan sastera lisan masyarakat Asli Jah Hut di Temerloh, Pahang. Kaedah kajian yang biasanya mengambil kira aspek teori, prosuder pengumpulan data dan prosuder analisis data. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui kaedah temu bual, kaedah pemerhatian, kaedah soal selidik, kaedah perpustakaan dan kaedah internet.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN



Rajah 1: Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah salah satu perancangan untuk menentukan cara penyelidikan yang dijalankan. Kajian menggunakan kaedah kualitatif. Proses pengumpulan data kajian menggunakan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Data dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian. Rujukan yang dilakukan adalah melalui kajian lepas, artikel, tesis dan buku. Kaedah kajian menggunakan kaedah lapangan, kaedah perpustakaan dan kaedah kualitatif. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis teoritikal dan analisis dokumen.

3.3 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data merupakan teknik untuk mendapatkan maklumat atau data untuk di analisis dalam sesebuah penyelidikan (Ott dan Longnecker, 2015) . Teknik pengumpulan data dibahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah temu bual dan pemerhatian. Seterusnya, sumber primer seperti kaedah perpustakaan seperti artikel, tesis dan sumber internet.

3.3.1 Data Primer

1. Temubual

Dalam kajian, pengkaji menemu bual beberapa orang responden dan beberapa penglipur lara yang pakar dalam penceritaan sastera lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut. Soalan dilampirkan seperti berikut:

Soalan 1

Nama responden: Samad Bin Dua

Umur : 53 tahun (berpengalaman selama 29 tahun dalam cerita rakyat masyarakat Asli)

Asal: Kampung Pian

Pengkaji : Apakah jenis cerita rakyat masyarakat orang Asli Jah Hut?

Responden : Masyarakat orang Asli Jah Hut mempunyai pelbagai cerita rakyat namun yang begitu popular ialah cerita berasaskan asal usul, cerita binatang dan cerita jenaka.

Pengkaji: Bagaimana seseorang pencerita mendapat maklumat berkaitan cerita rakyat ini?

Responden : Bagi mendapatkan cerita rakyat ini pencerita perlu menuntut(belajar) daripada seseorang yang arif dalam cerita rakyat, Cerita rakyat masyarakat Asli didapatkan daripada oleh tok pawang @ tok bomoh. Bagi mendapatkan cerita ini seorang pencerita perlu meminta izin dengan penuh beradab

11. Kajian Lapangan

Pengkaji melakukan kajian lapangan dengan berkunjung ke tempat kajian bagi melihat situasi dan tingkah laku masyarakat orang asli suku kaum Jah hut.

3.3.2 Data Sekunder

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan sumber kedua seperti artikel-artikel, jurnal, kajian-kajian lepas (tesis), buku rujukan dan internet sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini.

I. Sumber Internet

Pengkaji menggunakan sumber internet bagi mendapatkan pelbagai maklumat. Maklumat berkaitan dengan masyarakat orang asli Jah Hut, berkaitan sastera lisan (cerita rakyat) dan sebagainya. Pengkaji melayari laman-laman sesawang serta blog-blog di carian Google. Antar laman sesawang yang dilayari ialah Google Scholar, “research gate” dan sebagainya.

II. Tesis

Pengkaji menggunakan tesis-tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci bagi menjayakan kajian ini.

III. Artikel

Pengkaji turut mencari artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian bagi mendapatkan pelbagai maklumat.

IV. Perpustakaan

Pengkaji turut mendapatkan rujukan ke perpustakaan bagi mendapatkan pengetahuan umum berkaitan tajuk kajian. Sumber ilmiah ini diperolehi melalui perpustakaan awan Temerloh dan Jerantut. Terdapat beberapa buku yang dijadikan rujukan. Antaranya, Seni Budaya dan Bahasa Orang Asli Jahut oleh W.A Wan Amir Zal dan Kenali Kami Masyarakat Orang Asli Malaysia oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

3.4. KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian adalah bertujuan untuk menghubungkan persoalan atau objektif kajian dengan hasil yang didapati. Kajian menggunakan penyelidikan kualitatif.

3.4.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif menurut Lexy J (2007) merupakan satu proses penyelidikan hasil daripada gambaran data yang boleh dilihat. Kajian menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dilakukan. Kaedah kualitatif merupakan satu kaedah mendapatkan maklumat atau pandangan melalui kumpulan data.

3.4.2 Kaedah Lapangan

Kajian menggunakan kaedah lapangan iaitu dengan melawat kawasan penempatan masyarakat kaum Orang Asli di Temerloh Pahang. Kawasan penempatan dirangkumi daripada beberapa buah kampung iaitu Kampung Penderas, Pasu, Lubok Wong, Pian dan Terbol. Menurut Asmah Hj Omar(2002) kajian lapangan merupakan tempat atau sesuatu kawasan yang hendak dikaji yang mana ia mengandungi maklumat kajian untuk ditafsir mengikut objektif kajian.

3.4.3 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lebih teliti dan sistematik. Kajian perpustakaan adalah bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian menggunakan kajian-kajian lepas, jurnal-jurnal serta buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Terdapat pelbagai kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian yang di kaji oleh penyelidik dalam negara dan luar negara.

3.4.4 Kaedah Soal Selidik

Kaedah borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan terperinci. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan responden untuk melengkapkan kajian ini.

3.5 TEORI BUDAYA

Kajian menggunakan analisis teori budaya. Budaya merupakan satu keseluruhan yang kompleks mengandungi ilmu, pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, adat resam dan lain-lain. Kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat. (Edward B.Tylor: Primitive Culture).

Menurut Syed Ismail (2010:5) budaya merupakan cerminan aspek kehidupan manusia dari segi aspek kesusasteraan, sistem politik, seni bina, seni lukisan, seni muzik, falsafah dan sebagainya. Selain itu, budaya merupakan gaya hidup sesebuah masyarakat yang mana ia meliputi aktiviti harian mereka.

Dalam kajian ini teori budaya digunakan kerana ini begitu rapat dengan masyarakat. Cerita rakyat masyarakat Asli Jah Hut amat dekat dengan budaya masyarakat itu sendiri. Cerita rakyat yang disampaikan adalah berkait rapat dengan budaya masyarakat Asli misalnya dari segi adat resam, pemikiran, tingkah laku dan sebagainya. Menurut J.Arangka Samy (2007) budaya adalah cerminan cara hidup masyarakat yang dilihat melalui perasaan, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang diperturunkan secara turun-temurun

3.6 Rumusan

Bab ini penting untuk penyelidikan yang dihasilkan. Pengkaji telah menerangkan bagaimana data mentah dikumpul dan seterusnya diproses untuk menentukan Konsep Pemikiran Dan Kepercayaan Terhadap Cekmor Bagi Masyarakat Asli Jah Hut . Hasil kerja analisis di atas akan dibincangkan dalam Bab 4, iaitu analisis dan dapatan. Bab ini adalah berkaitan dengan kaedah-kaedah yang dilakukan oleh peyelidik dalam melaksanakan kajian. Kaedah-kaedah seperti reka bentuk kajian. Teknik dalam mengumpulkan data, analisis data serta kaedah kajian yang dilakukan. Kajian ini menggunakan dua sumber utama iaitu primer dan sekunder. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini adalah mengenai maklumat daripada hasil analisis yang telah dijalankan kepada responden masyarakat orang asli Jah Hut di Temerloh Pahang. Dapatan yang didapati termasuklah pengkaji mengemukakan dapatan dan analisis kajian secara terperinci dan lebih jelas lagi.

4.1 Mengenalpasti koleksi sastera lisan masyarakat Orang Asli Jah Hut Temerloh

Pahang.

Masyarakat Orang Asli Jah Hut mempunyai pelbagai jenis sastera lisan mereka tersendiri. Jenis sastera lisan mereka diambil berdasarkan tempat di persekitaran mereka. Selain itu juga sastera lisan masyarakat orang asli juga diambil sempena peristiwa yang berlaku di kawasan mereka. Penceritaan cerita rakyat masyarakat ini diambil berdasarkan peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka kemudian diolah oleh sang penglipur lara untuk dilisankan kepada kanak-kanak. Olahan cerita rakyat akan dilakukan oleh penglipur lara mengikut kesesuaian cerita tersebut. Jenis-jenis sastera lisan masyarakat orang asli Jah Hut berasaskan gunung, batu, binatang dan juga berkisarkan kewujudan sesebuah tempat tersebut.

4.1.1 Cerita Lisan Berdasarkan Gunung

Cerita lisan berasaskan gunung diambil sempena nama gunung itu wujud. Menurut kepercayaan orang asli dalam penceritaan cerita gunung itu sendiri mempunyai seorang penunggunya. Kisah gunung ini dipercayai mempunyai kaitan dengan adat resam dan pantang larang semasa pergi ke hutan. Selain itu, ia turut berkaitan dengan kepercayaan animisme mereka. Antaranya ialah apabila pergi ke hutan perlulah mendapatkan keizinan. Keizinan ini seperti meminta kebenaran untuk masuk ke dalam hutan. Contoh sastera lisan masyarakat orang asli Jah Hut ialah *Daguk Yak @ Gunung Nenek Bongkok dan Bukit Benom, Cong Galong @ Gunung Galong, Bukit Bertam, Tak Habe'int, Gunung Najor, dan Matang Buai*.

Daguk Yak @ Gunung Nenek Bongkok dan Bukit Benom



Rajah 1 : Gunung Nenek Bongkok

Kisah ini adalah berkaitan dengan kehidupan pasangan suami isteri. Pasangan ini hidup dengan bahagia walaupun tidak mempunyai cahaya mata. Nama isterinya, Yak Begeit manakala suaminya Tak Tanjung Mereka melakukan pekerjaan seperti bertani dan mencari hasil hutan. Pasangan ini hidup dengan

lebih bahagia walaupun hidup dalam kesederhanaan. Namun pada suatu hari pasangan ini telah diuji dengan ujian yang sangat berat. Di usia mereka yang telah tua telah berlaku pertengkaran antara kedua-duanya . Pertengkaran mereka ini tidak dapat diselamatkan lagi sehingga berlaku penceraian antara mereka. Si isteri pon berhijrahlah ke tempat lain dan tinggalah dia di kampung lain iaitu Daguk Yak manakala suaminya tinggal di tempat lain iaitu di Bukit Benom.

Cong Galong @ Gunung Galong



Rajah 2 : Gunung Galong

Kisah dahulu kala berlaku di perkampunga orang asli, seorang manusia yang diberi nama Si Kelembai, Si Kelembai merupakan seorang yang mempunyai kuasa sakti yang boleh mengubah sesuatu barang menjadi batu. Perkataan yan dilontarkan dalam ucapannya menyebabkan sesebuah mende menjadi batu. Si Kelembai mempunyai kebijaksanaan yang tidak dimiliki oleh masyarakat di sekelilingnya. Pada suatu hari, penduduk kampung dalam kawasan tersebut telah membuat rancangan untuk menguji kebijaksanaan si Kelembai, Maka

mereka telah membungkus buluh dan batang galong di dalam tikar untuk dijadikan sebagai mayat. Mereka pun berlakonlah dengan menangis dan keadaan mereka sangat sayu seperti berlakunya kematian yang betul berlaku. Maka lalulah si Kelembai ke tempat tersebut. Maka ia pun cubalah untuk menghidupkan orang yang sudah meninggal tersebut. Si Kelembai menggunakan kuasa saktinya namun semua gagal. Setelah ketiga kali Si Kelembai menggunakan ilmu saktinya itu, dia berasa pelik lalu dia terus mengangkat tikar tersebut dan dia baru menyedari bahawa dirinya sudah ditipu. Si Kelembai mengambil galong dan buluh lalu melemparnya. Tikar itu turut dilemparnya. Tikar yang dilempar berubah menjadi mengkuang.

Gunung Najor



Rajah 3 : Gambar Gunung Najor

Kisah yang berlaku berlaku di perkampungan orang asli di sebuah gunung. Pada zaman dahulu terdapat sebuah kampung yang terletak diteloh dilanda wabak penyakit seperti sesema dan penyakit lain. Penduduk tersebut dijangkiti oleh wabak tersebut sehingga ramai yang meninggal dunia. Walaupun jampi serapah digunakan penyakit tersebut terus menular sehingga kebanyakan penduduk

ada yang meninggal dan sakit lebih teruk. Ketiadaan keperluan asas seperti pengangkutan menyebabkan mereka tidak pergi ke hospital. Akibatnya ramai penduduk meninggal bergelimpangan. Akibat terlalu ramai yang meninggal maka tiada tempat untuk melakukan pengebumian lalu terbiarlah mayat tersebut sehingga membusuk. Ia dibiarkan begitu sahaja manakala bagi penduduk yang selamat mereka telah berpindah tempat tinggal. Maka jadilah gunung itu sebagai najor. Najor dalam bahasa asli Jah Hut membawa maksud lama.

4.1.2 Cerita Lisan Berdasarkan Binatang

Cerita berasaskan binatang di kalangan masyarakat Orang Asli Jah Hut biasanya diambil berdasarkan binatang di sekitar hutan. Pada masa dahulu aktiviti masyarakat orang asli adalah memburu dan mencari hasil hutan. Oleh hal demikian, mereka banyak melihat binatang-binatang di dalam hutan seperti monyet, harimau, gajah dan sebagainya. Berdasarkan bintang-bintang ini penglipur lara atau orang yang bijak dalam melakukan pengolahan cerita akan mengambil watak binatang untuk dibuat sebagai cerita lisan kepada masyarakat. Kebiasannya perkara utama yang diambil adalah dari aspek sikap dan ciri-ciri binatang tersebut. Hasil pemerhatian terhadap bintang-bintang tersebut maka terhasilah cerita lisan berasaskan binatang tersebut. Antara cerita bintang masyarakat orang asli ialah *Bongsu dan Si Jahulap, Ayam Denak dan Si Sumbang*.

Si Sumbang

Sumbang merupakan kisan berkaitan dengan sumbang mahram yang berlaku dalam hubungan adik beradik di Lata Kasah. Pada zaman dahulu, terdapat sebuah keluarga kecil yang hidup dengan bahagia di sebuah perkampungan. Pada suatu hari sang ibu dan sang ayah telah pergi bekerja dan menyuruh si abang untuk menjaga adiknya. Lalu tinggallah mereka dua berada di rumah. Kemudian pergilah sang adik menhadap cermin lalu ia berkata kepada si abang, "Wahai abang, mengapakah muka kita sama?. Lalu jawablah si abang, "Kita adalah saudara adik kerana itu wajah kita sama dan seiras. Mengertilah si adik. Si adik mempunyai wajah yang sangat rupawan sehingga si abang terpesona dengan kecantikkannya. Lama kelamaan si abang telah jatuh cinta kepada si adik. Maka kedua adik beradik tersebut bercintalah. Sehingga pada

suatu hari si adik didapati hasil abang telah mengandung hasil hubungannya dengan si abang. Si adik berasa sangat panas lalu ia pon bergilah keluar rumah , bawah pokok dan pelbagai tempat untuk mencari kesejukan. Si abang berasa sangat resah lalu menyuruh adiknya untuk bertenang. Adiknya tidak dapat bertahan lalu abangnya menyuruh untuk melompat ke dalam sungai. Lama-kelamaan tubuh si adik telah perlahan-lahan berubah menjadi seekor ular. Namun hanya wajahnya sahaja kekal sebagai wajah manusia. Si abang merubah sepenuhnya menjadi seekor ular. Maka bermulah upacara penyembuhan untuk kedua beradik. Upacara sewang, jampi dilakukan namun ia tidak berkesan. Maka hidupalah mereka sebagai seekor ular. Mereka turut menyumpah bahawa akan ada pasangan yang melakukan seperti mereka.

4.1.3 Cerita Lisan Berdasarkan Batu

Cerita lisan berkaitan tempat atau lebih dikenali sebagai kewujudan sesebuah tempat. Kewujudan sesebuah tempat akan dinamakan mengikut kejadian yang berlaku di tempat tersebut. Sebagai contoh *Hikayat Temuk Asah @ Batu Asah* dan *Hikayat Temuk Gajah @ Batu Gajah*.

Hikayat Batu Asah Musuh



Rajah 4: Batu Asah yang terdapat di Kampung Kula Terbol, Temerloh

Al kisah bermula pada suatu ketika dahulu terdapat seorang pemuda yang dinamakan Benam dari suku kaum Jahut. Benam merupakan anak sulung daripada 7 orang adik beradik. Pada suatu hari Benam telah pergi ke hutan untuk mencari makanan. Tiba-tiba Benam telah terjumpa satu tempat dimana pada tempat itu terdapat seekor ular sawa yang sangat besar di sebatang pokok Merbau yang sedang makan pucuk merbau tersebut. Benam sangat gembira kerana telah berjaya menemukan makanannya. Namun nasib malang melanda apabila setiap percubaannya untuk membunuh (menggunakan sumpit) selalu tidak berjaya. Setelah berputus asa dia mengambil keputusan untuk pulang ke

rumah. Dia menceritakan peristiwa tersebut kepada adiknya yang kedua. Pada keesokan hari, adiknya telah pergi ke hutan untuk menyumpit ular tersebut namun dia juga pulang dengan kehampaan. Maka perkara ini berlarutan sehingga kepada adik-beradik yang lain kecuali Si Bongsu.

Sehinggalah pada suatu hari, perkara ini telah menimbulkan rasa kecurigaan kepada Si Bongsu dengan apa yang terjadi kepada abang-abangnya. Si Bongsu dengan senyap-senyap telah pergi ke hutan ketika abang-abangnya masuk ke hutan untuk mencari kayu. Si Bongsu telah mendatangi sebuah kawasan yang sangat terang dan bersih lalu dia pon terlihat ular sawa tersebut. Si Bongsu cuba ingin membunuh (menyumpit) ular tersebut. Namun nasibnya yang sangat bertuah kerana hanya melalui satu sumpita sahaja dia telah berjaya membunuh binatang tersebut. Bagi melepaskan kepenatan maka Si Bongsu pun berehatlah di bawah pokok Merbau tersebut. Dengan tiba-tiba ular tersebut telah muntah lalu jatuh ke tanah namun dengan sekelip mata ular tersebut telah bertukar menjadi 7 orang puteri. Ular sawa dipercayai sebagai pengangkutan puteri-puteri tersebut.

Ketujuh-tujuh orang puteri ini mempunyai rupa yang rupawan namun puteri bongsu mempunyai raut wajah yang paling menarik dan cantik. Maka dengan ini Si Bongsu telah jath hati dengan sip uteri bongsu. Ketujuh puteri itu menyatakan bahawa mereka sedang mencari pasangan hidup. Lalu Si Bongsu menawarkan abang-abangnya dan mereka pun bersetuju. Si Bongsu telah pulang ke rumah, bagi memastikan abang-abangnya tidak agar tidak melihat kecantikan yang ada pada puteri bongsu dia telah menumbuk arang dan melumurkan kepada badan si puteri bongsu. Si Bongsu telah menceritakan peristiwa tersebut kepada abang-abangnya, maka dengan ini abang-abangnya

telah memilih pasangan masing-masing kecuali si puteri bongsu kerana mukanya yang hitam dan tidak cantik. Tanpa abang-abangnya tahu bahawa itu merupakan satu helah oleh Si Bongsu untuk tidak mengambil si puteri bongsu.

Namun konflik melanda ketika si Benam telah datang untuk melawat Si Bongsu yang mana pada ketika itu Si Bongsu telah tinggal di bukit 'Yak Yeq'. Disitu terbongkar apabila isteri Si Bongsu terlalu elok rupanya, Si Benam telah jatuh hati dengan puteri bongsu. Apabila pulang ke rumah dia begitu marah lalu memukul isterinya . Maka merajuklah isterinya itu ke rumah adiknya di bukit Yak Yeq. Si Benam telah berkomplot dengan saudaranya yang lain untuk melaporkan penipuan adiknya kepada raja tersebut.

Maka menghadaplah mereka bertemu raja tersebut. Raja menyuruh mereka untuk pergi ke Si Bongsu dan memberikan isterinya kepada abangnya-abangnya, jika tidak dibunuh sahaja adiknya dengan memancung kepalanya Si Bongsu telah mengetahui rancangan saudaranya itu lalu si puteri menyuruh suaminya itu untuk meminta pertolongan Raja Aceh. Raja Aceh telah memberikan penyengat sebagai perlindungan. Semua rancangan dan cubaan menyerang oleh saudaranya percaya digagalkan kerana mendapat bantuan daripada penyengat.

Disingkatkan cerita , kewujudan Batu Asah Musuh ini adalah kerana batu tersebut menjadi tempat untuk abang-abangnya serta hamba raja yang dianggap musuh untuk mengasah senjata mereka sebelum pergi berperang.

Hikayat Batu Gajah



Rajah 5: Batu Gajah

Kisah bermula pada suatu ketika dahulu terdapat seseorang yang bernama Sang Kelembai yang merupakan seorang buniان yang mempunyai kesaktian dan kelebihanannya bermulut masin kerana setiap apa yang diperkatakannya pasti menjadi kenyataan. Seperti kisah Batu Gajah ini. Pada suatu ketika, terdapat tiga ekor gajah yang sedang bermandi-mandi dan berkubang di sungai Terbol, pada ketika itu, Sang Kelembai sedang berjalan-jalan lalu ternampaklah dia dengan ketiga-tiga ekor gajah tersebut lalu dia pon menegurlahgajah-gajah tersebut. Namun tiba-tiba gajah tersebut menjadi keras lalu menjadi batu. Sang Kelembai merupakan seorang buniان yang mempunyai kekuatannya tersendiri kerana setiap yang dipetuturkannya pasti akan berlaku. Namun disebabkan keadaan banjir yang sering berlaku apabila hujan maka ia telah menghakis bentuk batu tersebut.


4.2 Menganalisis Kepentingan Sastera Lisan Orang Asli Jah Hut di Temerloh Pahang

4.2.1 Pendidikan

Pendidikan orang asli dahulu amat mundur, ketinggalan dan sering dipandang sepi oleh masyarakat kerana mereka tinggal di pedalaman dan kurang menonjolkan diri dalam bidang pendidikan. Masyarakat orang asli mempunyai golongan buta huruf yang tinggi pada zaman dahulu. Namun pada masa kini, Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, pihak kerajaan telah mengariskan untuk memberi sepenuh perhatian bagi meningkatkan taraf pendidikan mereka. Hal ini adalah kerana kadar keciciran pendidikan orang asli berada pada tahap yang lebih tinggi. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Faktor geografi penduduk orang asli yang tinggal jauh di pedalaman menyebabkan mereka tidak mendapat pendidikan yang formal. Selain itu, faktor kewangan dan pengangkutan juga menjadi sebab ibu bapa orang asli tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Oleh hal demikian, masyarakat orang asli Jah Hut menjadikan sastera lisan sebagai medium pendidikan mereka. Pada zaman dahulu masyarakat orang asli tidak mendapatkan pendidikan yang formal maka mereka mendapat pendidikan melalui cerita-cerita rakyat mereka sendiri. Pendidikan melalui sastera lisan dapat membentuk akhlak, keperibadian dan sosial masyarakat orang asli Jah Hut. Masyarakat akan mendapat ilmu pengetahuan seperti adat resam , pantang larang, kepercayaan dan pengajaran. Sastera lisan banyak mempegaruhi kehidupan harian mereka misalnya dalam moral mereka sendiri.

Setiap pengakhiran dalam sesebuah cerita, penglipur lara akan menyelitkan pengajaran dan nasihat dalam setiap babak cerita yang disampaikan untuk memberikan pengajaran kepada para pendengar.




Rajah 1: Bilangan responden sastra lisan digunakan sebagai medium pendidikan awal (tidak formal)

Rajah 1 menunjukkan kepentingan sastra lisan yang digunakan sebagai medium pendidikan awal (tidak formall). Seramai 20 orang (76.9%) yang bersetuju dengan kenyataan tersebut manakala 5 orang (19.2%) yang sangat setuju. Walaubagaimana pun 1 orang (3,8%) tidak setuju bahawa sastra lisan digunakan sebagai medium pendidikan awal.

4.2.2 Kepercayaan dan Adat Resam

Orang Asli Jah Hut merupakan masyarakat yang kaya dengan adat resam, kepercayaan dan tradisi. (Syuhana, 2014). Mereka mempunyai hubungan interaksi yang sangat baik dengan alam sekitar dan makhluk ghaib. Pandangan hidup masyarakat orang asli Jah Hut amat unik kerana alam sekeliling mempegaruhi kepercayaan, adat resam dan cara hidup mereka. Pandangan hidup merupakan kerangka menyeluruh kepercayaan dasar seseorang tentang sesebuah perkara. (Wolter,2005).

Sastera lisan masyarakat orang asli Jaah Hut mempunyai hubung kait dengan kepercayaan dan adat resam dalam penceritaan yang disampaikan oleh penglipur lara. Masyarakat orang asli sangat berpegang teguh kepada adat resam dan kepercayaan mereka. Adat resam dan kepercayaan mereka berkait rapat dengan alam sekeliling serta makhluk-makhluk ghaib. Masyarakat orang asli Jah Hut pada zaman dahulu masih berpegang kuat kepada agama animisme. Dalam penghasilan sesebuah sastera lisan ia akan diterapkan dengan adat resam serta kepercayaan masyarakat orang asli. Antara adat resam dan kepercayaan adalah seperti adat resam pergi ke hutan, adat resam hubungan antara adik-berdik (hubungan sumbang mahram), adat resam penanaman padi dan adat resam celau (bukwak).




Rajah 3: Bilangan responden sastera lisan berkaitan dengan adat resam dan kepercayaan

Rajah 3 menunjukkan kepentingan sastera lisan yang berkait rapat dengan adat resam dan kepercayaan masyarakat orang asli Jah Hut. Adat resam dan kepercayaan akan diselitkan dalam setiap penceritaan sastera lisan masyarakat ini. Seramai 16 orang (61.5%) yang sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut dan seramai 10 orang (38.5%) yang hanya bersetuju.

4.2.3 Hiburan

Sastera lisan dijadikan sebagai hiburan di kalangan masyarakat orang asli Jah Hut. Peralatan yang digunakan pada ketika itu adalah pelita. Kebiasaannya sastera lisan digunakan untuk hiburan bagi sesebuah keluarga. Kelakuan seseorang individu akan mempegaruhi dan menentukan corak penceritaan tersebut. Sebagai contoh, dalam sesebuah keluarga kelakuan nakal seseorang akan dikaitkan dengan penceritaan yang diceritakan. Seseorang yang mahir tentang sastera lisan akan mengolah kelakuan tersebut menjadi sebuah cerita dan pengajaran, Sastera lisan akan diceritakan pada waktu malam iaitu sebelum waktu tidur dan sewaktu melakukan aktiviti anyaman. Ketiadaan teknologi dalam masyarakat ini menjadikan sastera lisan sebagai hiburan utama.



Rajah 2 : Bilangan responden sastera lisan merupakan hiburan awal

Rajah 2 menunjukkan kepentingan sastera lisan sebagai hiburan awal masyarakat orang asli. Berdasarkan carta diatas, seramai 18 orang (69.2%) yang bersetuju bawa sastera lisan merupakan hiburan awal masyarakat sebelum kedatangan teknologi dan 8 orang (30.8%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

4.3 Mengkaji usaha yang dilakukan bagi meneruskan tradisi sastera lisan masyarakat

Orang Asli Jah Hut Pahang

4.3.1 Membukukan dan menghimpunkan cerita sastera lisan masyarakat orang asli Jah Hut.

Faktor kepupusan sastera lisan masyarakat ini juga adalah kerana generasi muda pada masa kini sudah tidak diberikan pendedahan mengenai sastera lisan. Golongan remaja orang asli pada masa kini kurang diberikan pendedahan kerana mereka lebih terpengaruh dengan dunia hiburan daripada luar dan aktiviti luar. Cerita sastera lisan masyarakat orang asli kurang dan jarang diterbitkan oleh mana-mana pihak. Selain itu, cerita lisan masyarakat orang asli kurang dibukukan dan ini menyebabkan sesetengah cerita masyarakat ini perlahan-lahan pupus. Bagi meneruskan tradisi sastera lisan dalam kalangan masyarakat khususnya orang asli adalah dengan membukukan dan menghimpunkan koleksi cerita lisan masyarakat ini. Tidak hanya masyarakat orang asli sahaja dapat mengetahuinya malahan masyarakat lain juga dapat membacanya.

Seterusnya, tidak banyak buku mahupun teks yang ditulis berkaitan dengan sastera lisan masyarakat orang asli. Namun jika ia ditulis atau dihasilkan ia lebih berbentuk kajian mengenai etnografi masyarakat orang asli. Antara cerita lisan masyarakat orang asli yang dibukukan ialah *Flying Lizards Other Orang Asli Legends And Tales* (2018), *Tradisi Lisan Masyarakat Semai* (1990), *Pura Taman-Warisan Penglipur Lara Jakun dan Tradisi Lisan: Kisah-kisah Haiwan Orang Asli*.

Cerita masyarakat orang asli boleh dikumpulkan dan diberikan kepada pihak yang . Peranan jabatan juga memainkan peranan yang penting dalam memelihara khazanah warisan orang asli khususnya dalam penceritaan cerita rakyat masyarakat. Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) menjalinkan kerjasama dengan jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Kesenian dan Warisan dan Jabatan Warisan Negara serta NGO untuk menerbitkan buku-buku

yang berusnsurkan sastera lisan masyarakat orang asli. Buku yang diterbitkan membolehkan para pembaca tidak hanya terhad kepada golongan masyarakat orang asli sahaja malahan masyarakat lain boleh membacanya.. Buku yang diterbitkan boleh dihantar ke pusat-pusat pendidikan, perpustakaan dan sebagainya. Buku ini juga boleh diletakkan di pusat tumpuan orang ramai misalnya seperti di muzium. Pengunjung tidak hanya melihat artifak dan sejarah sahaja malahan mereka dapat mengenali juga warisan khazanah orang asli dari aspek kesusasteraan. Misalnya, Muzium Orang Asli di Gombak, Selangor

4.3.2 Mengkomersialkan dan mendigitalkan sastra lisan masyarakat orang asli Jah Hut.

Faktor kemerosotan sastra lisan juga adalah dipegaruhi oleh ketiadaan pencerita dalam masyarakat orang asli Jah Hut. Pada masa kini, pencerita sastra lisan masyarakat ini kebanyakannya sudah uzur dan ada yang sudah meninggal dunia. Pencerita ini terdiri daripada orang tua (Temubual, 2021). Oleh hal demikian, bagi merencanakan lagi usaha dalam mengekalkan tradisi lisan dalam arus pemodenan ini adalah dengan mengkomersialkan dan mendigitalkan sastra lisan masyarakat orang asli Jah Hut dalam platform yang lebih canggih.

Pendigitalan sastra lisan masyarakat orang asli Jah Hut dapat menyokong perkembangan sastra lisan masyarakat ini walaupun tidak mempunyai pencerita. Pendigitalan sastra lisan menggunakan platform seperti blog, radio, filem, e-buku dan juga dipersembahkan dalam bentuk media. Pendigitalan sastra lisan masyarakat ini dapat memperluaskan lagi skop pembaca dan memperkenalkan koleksi-koleksi cerita masyarakat orang asli Jah Hut ini di mana sahaja. Hal ini kerana, melalui teknologi ini masyarakat dapat mengakses dan membacanya tanpa ada halangan. Tidak hanya masyarakat di dalam negara sahaja malahan di peringkat antarabangsa juga dapat membacanya. Lebih-lebih lagi pengemar karya sastra klasik khususnya.

Sastra lisan masyarakat orang asli pernah diterbitkan dalam bentuk audio iaitu di stesen-stesen radio. Sastra lisan ini akan diselitkan dalam di dalam iklan. Audio ini akan diperdegarkan di stesen radio orang asli iaitu Asyik FM di frenkuensi 102.5 MHz dan saluran Astro 875.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji merumuskan secara ringkas berkenaan dengan segala perbincangan yang telah dilakukan serta dapatan kajian yang telah didapati dalam bab-bab yang sebelumnya. Seterusnya, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian wadah pemikiran dan konsep kepercayaan dalam sastera lisan bagi masyarakat asli Jah Hut.

5.2 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Hasil daripada temubual dan soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji dan responden yang terdiri daripada masyarakat orang asli Jah Hut dan penglipur lara itu sendiri mendapati bahawa masyarakat orang asli Jah Hut mempunyai jenis sastera lisan mereka sendiri. Sastera lisan banyak memengaruhi kehidupan mereka misalnya dalam aspek pendidikan sosial dan serta resan dan kepercayaan mereka. Generasi muda masyarakat orang asli turut mendapat manfaat hasil daripada sastera lisan ini misalnya dapat menerapkan semangat kekitaan, kerjasama diantara mereka. Hasil daripada soal selidik dan temubual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa wadah pemikiran dan konsep kepercayaan dalam sastera lisan masyarakat orang asli Jah Hut banyak berkaitan dengan alam sekitar. Oleh itu, pengkaji mengambil tindakan untuk membuat objektif mengenai jenis-jenis sastera lisan masyarakat orang asli, kepentingan sastera lisan dalam kehidupan dan kepentingan sastera lisan tersebut terhadap golongan muda.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Masyarakat dapat mengetahui koleksi cerita rakyat masyarakat orang Asli Jah Hut. Sastra lisan masyarakat ini kurang dikenali dan tidak mendapat sambutan daripada masyarakat lain. Maka melalui kajian ini masyarakat akan mengenali pelbagai jenis sastra lisan masyarakat orang asli Jah Hut. Sastra lisan masyarakat ini adalah berdasarkan binatang, gunung dan batu. Sastra lisan bintang terdiri daripada cerita *Bongsu dan Si Jahulap*, *Ayam Denak dan Si Sumbang*. Seterusnya cerita gunung seperti *Daguk Yak @ Gunung Nenek Bongkok dan Bukit Benom*, *Cong Galong @ Gunung Galong*, *Bukit Bertam*, *Tak Habe'int*, *Gunung Najor*, dan *Matang Buai*. Cerita berasaskan batu adalah seperti *Hikayat Temuk Asah @ Batu Asah dan Hikayat Temuk Gajah @ Batu Gajah*. Melalui kajian ini juga sastra lisan masyarakat orang Asli Jah Hut dapat dikomersialkan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini akan merencanakan lagi cerita lisan masyarakat ini agar tidak pupus dan sentiasa berkembang seiring dengan arus pemodenan ini.

Seterusnya, sastra lisan masyarakat orang asli Jah Hut kepada institusi pendidikan. Dalam institusi pendidikan khususnya dalam bidang penyelidikan, para penyelidik dapat melakukan dengan lebih banyak lagi berkaitan dengan sastra lisan masyarakat orang asli dalam pelbagai aspek. Hal ini kerana banyak aspek dalam sastra lisan masyarakat ini yang tidak dikupas lagi. Kajian ini akan membuka ruang untuk penyelidik melakukan kajian berkaitan sastra lisan masyarakat ini dengan lebih banyak lagi. Ini akan dapat membuka mata masyarakat tentang kelebihan dan keunikan sastra lisan masyarakat ini.

5.4 CADANGAN

Hasil daripada dapatan kajian diatas, pengkaji ingin menyarankan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan untuk membuka mata masyarakat tentang warisan sastera lisan masyarakat orang asli Jah Hut.

5.4.1 Cadangan kepada pelajar Universiti

Pelajar Universiti digalakkan untuk mengkaji sastera lisan ini kerana terdapat pelbagai elemen yang masih belum dikaji. Selain daripada sastera lisan yang semakin kurang diamalkan, pelajar juga boleh mengkaji dari aspek budaya, sosial, kepercayaan dan pelbagai lagi.

5.4.2 Cadangan Kepada Masyarakat

Cadangan pengkaji kepada masyarakat terutama masyarakat Orang Asli sendiri agar mengekalkan sastera lisan ini walaupun sudah menuju kearah permodenan. Pengkaji juga mencadangkan agar masyarakat dari kaum lain juga belajar tentang sastera lisan dari masyarakat Orang Asli ini kerana ini juga merupakan salah satu warisan yang diturunkan sejak zaman nenek moyang lagi.

5.4.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan kajian yang melihat kepada wadah pemikiran dan konsep kepercayaan dalam sastera lisan bagi masyarakat asli Jah Hut . Walaupun demikian, masih banyak lagi aspek lain yang boleh dikaji oleh para pengkaji.

Sastera lisan merupakan sebuah penceritaan cerita rakyat dari kalangan masyarakat orang Asli Jah Hut dan kebiasaannya diadakan apabila waktu lapang misalnya sewaktu menganyam anyaman dan menunggu waktu tidur. Sastera lisan ini mempunyai pelbagai

elemen yang boleh dikaji. Oleh itu, pengkaji bercadang agar akan ada pengkaji yang mengkaji sastra lisan ini dari aspek elemen yang lain.

Pengkaji berharap agar kajian seterusnya menambah lagi responden dan ilmu pengetahuan tentang sastral ini. Pengkaji juga berharap agar ada pengkaji dari kaum lain yang berminat untuk mengkaji tentang sastra lisan orang asli Jah Hut ini.



5.6 Penutup

Kesimpulannya, sastra lisan ini merupakan salah satu warisan turun temurun dari zaman nenek moyang terutama bagi kaum Orang Asli dan tidak semua masyarakat lain yang mengetahui tentang penceritaan sastra lisan masyarakat ini. Hal ini kerana kurangnya pendedahan tentang sastra lisan ini kepada masyarakat luar. Oleh itu, pengkaji berharap akan lebih ramai lagi masyarakat yang tahu akan sastra lisan ini.

Walaupun begitu, pengkaji telah mencuba untuk mengemukakan satu aspek tentang sastra lisan ini dimana pengkaji bermula dari kaum sendiri iaitu kaum orang Asli Jah Hut dan mengkaji kepada wadah pemikiran dan konsep kepercayaan dalam sastra lisan bagi masyarakat asli Jah Hut .

RUJUKAN

- (Phd), M. N. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Aishah Binti Abdul Malek¹, M. N. (2019). Kurikulum Berkepelbagaian Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak Orang Asli. *Journal Of Educational Research And Indigenous Studies*.
- Edo, J. (1998). Claiming Our Ancestors' Land : An Ethnohistorical Study Of Seng-Oi Land Rights In Perak, Malaysia. *Openresearch-Repository.Anu.Edu.Au*.
- Hamid, I. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Longman Malaysia.
- Ismail, M. F. (2016). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan Malaysia. *Universiti Putra Malaysia*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli*. (2013). Retrieved From Jabatan Kemajuan Orang Asli: [Www.Data.Gov.My](http://www.data.gov.my)
- Kamus Kesusasteraan*. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Lama, P. K. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Longman Malaysia, 1987.
- Maksud Cerita Rakyat*. (N.D.). Retrieved From [Https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Cerita+Rakyat](https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Cerita+Rakyat)
- Rahman, M. L. (2015). Awang Batil Dan Pura Taman: Suatu Perbandingan Tradisi. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 5(1) Juni 2015.
- Rokhmansyah, A. (2016). *Pengantar Gender Dan Feminisme: Pemahaman Awal Kritik Sastra Feminisme*. Indonesia: Penerbit Garudhawaca, Yogyakarta.
- W.Creswell, J. (2009). *Research Design:Qualitative, Quantitative And Mixed-Method Approaches*. Saga Publications.
- Zakaria, S. F. (2013). Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal Of The Malay World And Civilisation (Imsaitni)F 1a(T1i)E,M 2a0h1 3S:A 8'a3t - & 88 Jama'yah*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli*.(2013).Jabatan Kemajuan Orang Asli: www.data.gov.my
- Hamid. I.(1981).*Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Longman Malaysia.
- Mustaffa, M., Ali, T. I. M. T. M., Junaidi, R., & Majid, M. A. (2020). Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan (People and Government Relationship in Oral Traditional Based on Leadership Perspective). *Akademika*, 90(3).
- JHEOA [Jabatan Hal Ehwal Orang Asli] (2002). *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

- Yusuf, Y. (2016). Nilai-Nilai Anti Korupsi Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Melayu
- Saad, S. B. (2015). Komunikasi Lisan Dalam Kalangan Masyarakat Che Wong , Pahang.
- Jamian, M. N., & Radzi, S. B. M. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2)..
- Razali, L. S., & Radzi, S. B. M. (2019). Puisi Lisan: Pemerksaan Warisan Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 234-277.
- Sulaiman, S. A. B. S. (2013). Tradisi lisan: Satu penilaian semula. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 1(1), 195-205.
- Hanipah, N. M., Jamal, D. H. D., & Abdillah, N. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar , Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29.
- Sukmana, E. (2018). Aspek Sosial Budaya dalam Cerita Rakyat Enyeng di Desa Cipancar. *Deiksis: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 5(1), 18-23.
- Rahman, M. L. A. (2013). Libat Sama Universiti dan Komuniti: Manfaat Kesusasteraan Lisan di Malaysia. *ATIKAN*, 3(2).
- Carey, I. (1976). *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur:Oxford University Press
- Seli, S., & Hassan, M. M. A. (2016). Makna Simbol-Simbol Fizikal Daripada Kearifan Tempatan Dalam Cerita Ne'Baruakng Kulup Sastera Lisan Dayak Kanayatn: The Physical Meaning Of Symbols From Local Wisdom In The Story Of Ne'Baruakng Kulup Dayak Kanayatn Oral Literary. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 27(1), 70-105.
- Arifin, A. A., & Anggi, D. D. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Yang Terkandung Dalam Folklor Potre Koneng Sebagai Cerita Rakyat Masyarakat Kabupaten Sumenep. Dalam *Seminar Nasional Pendidikan IPS* (Vol. 1, No. 1)
- Rosyada, A., Suhendi, D., & Mukmin, S. (2020). *Transliterasi Naskah dan Wujud Tradisi Lisan Dalam Naskah Sari Sastera dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Sastra (Tinjauan Filologi dan Antropologi)*. (Doctoral dissertation, Sriwijaya University).

- Kristanto, M. (2014). Pemanfaatan cerita rakyat sebagai penanaman etika untuk membentuk pendidikan karakter bangsa. *Mimbar Sekolah Dasar*, 1(1), 59-64.
- Yunus, M., & Anwari, M. R. (2016). Makna dan Fungsi MAHALABIU dalam Pertuturan Masyarakat Desa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 72-78.
- Unsriana, L. (2013). Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Jepang (Minwa). *Humaniora*, 4(1), 310-317.
- Inriani, K. (2017, October). Nilai Kearifan Lokal dalam Legenda Cerita Rakyat Muntok: Sebuah Kajian Pendidikan Karakter. In *Seminar Bahasa dan Sastra* (pp. 167-177).
- Sholechaini, A. C. (2012). Nilai-Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Kebokicak Karang Kejambon di Kabupaten Jombang.
- Kanzunudin, M. (2017). Menggali Nilai dan Fungsi Cerita Rakyat Sultan Hadirin dan Masjid Wali At-Taqwa Loram Kulon Kudus. *KREDO: Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra*, 1(1), 1-17
- Haryanto, J. T. (2018). Nilai Kerukunan pada Cerita Rakyat Dayuhan-Intingan di Kabupaten Tapin Kalimantan Selatan. *Jurnal SMART (Studi Masyarakat, Religi, dan Tradisi)*, 4(1), 1-14.
- Yaacob, M. F. C., Abdillah, N., Ghani, M. I. A., Shaharuddin, S. N., & Apandi, S. N. A. M. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Yaacob, M. F. C. & Abd Rahim, N. (2014). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- Ismail, M. F., Muhammad, S. J. N., & Yusop, M. S. (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 48-56.

- Yaacob, M. F. C. (2018). Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian pengkaedahan Melayu (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Rinyuk, F. (2017). Nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Elfira, M. (2020). Gegar budaya perantau dalam sastra lisan Minangkabau Malin Kundang. *Jurnal Pustaka Komunikasi*, 3(1), 61-73.
- Zakeria, S. Z., & Affendi, N. R. N. M. (2014). Konflik dalam cerita rakyat dan kesannya kepada kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-206
- Bakar, R. A. (2013). World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 143-161.
- Batubara, A., & Nurizzati, N. (2020). Struktur Dan Fungsi Sosial Cerita Rakyat Legenda Asal Usul Kampung Batunabontar. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 8(1), 1-9.
- Razali, L. S. B., & Affendi, N. R. N. M. (2011). Fenomena sosial dalam cerita rakyat kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 138-151.
- Adnan, T. S. N. S. T., & Yaacob, M. F. C. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu penelitan kemasyarakatan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Kamus Kesusasteraan . (2021).Kuala Lumpr: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- W.Creswell,J.(2009). Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed-Method Approaches.Saga Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 – 2025 (p.300). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Wolters,M. A. 2005. Creation Regained: Biblical Basics for a Reformational Worldview (2nd edition). Michigan: Williams B. Eerdmans Publishing Company.

Minah Sintian. (2014). Amalan Memotong Kepala dalam Masyarakat Primitif Kadazandusun: Survival atau Budaya? Dimuat naik daripada


<https://www.researchgate.net/publication/272357494> Amalan Memotong Kepala dalam Masyarakat Primitif Kadazandusun Survival atau Budaya.

Samad Bin Dua. (2021, Disember 24).Cerita Lisan Masyarakat Orang Asli Jah Hut.(Temubual)






UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN